

Rancangan tarik bekas penagih sertai silat mula dapat sambutan

10 APR 1990

Oleh **SAINI SALLEH***

RANCANGAN sembilan perguruan silat untuk menarik penghuni pusat-pusat pemulihan dadah (DRC) menyertai kegiatan silat selepas dibebaskan telah mula mendapat sambutan.

Ini berdasarkan kepada banyaknya pertanyaan yang diterima oleh para jurulatih kumpulan-kumpulan itu selepas berakhirnya rancangan siri lawatan sambil berdialog di enam buah DRC dalam Februari lalu.

Sembilan perguruan yang menyertai rancangan itu ialah Seligi Tunggal, Setia Bakti, Tapak Suci, Silat Gayong, Gayong Pasak, Sunda Cekalong, Cekak, Sendeng Belalang dan Panca Sakti.

Daripada semua kumpulan itu, perguruan Seligi Tunggal mendahului kumpulan-kumpulan lain dari segi jumlah bekas penagih yang

melahirkan minat untuk menyertai kegiatan mereka.

Guru silat kumpulan itu, Encik Mohd Ramli Awi, 37 tahun, berkata lebih daripada 20 orang bekas penghuni beberapa DRC telah melahirkan minat untuk menceburi silat yang berasal dari Pulau Bawean itu. *WAWASAN S/MS*

Beliau berkata: "Saya amat gembira dengan sambutan yang diberi oleh bekas penagih terhadap rancangan kami untuk menarik mereka menceburi kegiatan peningkatan nenek moyang kita.

"Bagaimanapun, ramai melahirkan kebimbangan kerana khuatir latihan yang bakal dijalani mungkin bertembung dengan ujian air kencing yang diwajibkan ke atas mereka." *ANAKIN. CECANTAN*

Beliau berkata perkara itu akan dikemukakan kepada Setiausaha Politik (Ehwal Dalam Negeri), Encik Harun Abdul Ghani, untuk diper-

timbangkan.

Encik Mohd Ramli memberitahu bahawa selain daripada masalah itu, beliau menghadapi kesukaran menghubungi bekas penagih yang jarang ada di rumah.

"Saya akan terus berusaha menarik minat mereka terhadap seni silat. Jika semua berjalan licin, latihan pertama dapat dimulakan pada 6 Mei ini bersama peserta bukan penagih.

"Saya hanya berharap mereka tidak akan berasa malu apabila sama-sama menjalani latihan kelak," katanya lagi.

Selain daripada Seligi Tunggal, kumpulan-kumpulan yang turut menerima permohonan bekas penagih untuk menyertai kegiatan tetapi dengan jumlah kurang daripada lima orang pemohon termasuklah Tapak Suci dan Setia Bakti.